

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Rabu, 26 April 2017 11:11 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Azhar B Anis Mohammad; Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Mohd Ashari B Yaakub; Dr. Nazli binti Mahdzir
Subject: INASIS BANK MUAMALAT ONLINE: PROGRAM SUMMER CAMP "WE LEARN, WE SHARE"



26 APRIL 2017, RABU | 29 REJAB 1438H



Diterbitkan oleh Unit Penerbitan, Media & Penyelidikan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Utara Malaysia

INASIS BANK MUAMALAT ONLINE: Seramai 131 orang telah menyertai Program *Summer Camp* “*We Learn, We Share*” anjuran Inapan Siswa Bank Muamalat yang diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Bakai, Kuala Ketil, Kedah baru-baru ini.

Program ini melibatkan pelajar dari tingkatan 4 dan tingkatan 5 SMK Bakai, fasilitator yang terdiri daripada pelajar dan Penolong Pengetua Inasis Bank Muamalat.

Program ini bertujuan untuk membantu menyuntik semangat dalam kalangan pelajar SMK Bakai untuk belajar dan hadir ke sekolah. Program yang dijalankan melibatkan aktiviti perkongsian pengalaman dan aktiviti-aktiviti secara santai.

Antara pengisian program ini adalah aktiviti NLP dalam kumpulan seperti ‘Bulatan Kecemerlangan’ yang memberi penekanan terhadap pelajar supaya gigih berusaha ke arah matlamat mereka bagi mencapai kecemerlangan. Aktiviti Bulatan Kecemerlangan ini dijalankan oleh pelajar Inasis Bank Muamalat yang telah dilatih oleh Puan Asma Binti Mat, kaunselor daripada Pusat Kaunseling, Universiti Utara Malaysia.

Selain itu, slot ‘*Energizer*’ dan pendedahan mengenai UUM yang dikendalikan oleh saudari Siti Nur Adilah Binti Azmi juga turut dilaksanakan. Slot ‘*Energizer*’ yang dijalankan ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan sesama pelajar SMK Bakai dan juga hubungan antara fasilitator dan pelajar-pelajar SMK Bakai. Pendedahan mengenai persekitaran UUM yang dilakukan dapat membuka minda pelajar terhadap suasana universiti.

Program ini diharapkan dapat membantu membentuk motivasi dalam diri pelajar SMK Bakai dan juga memberi pengalaman yang berguna kepada pelajar Inasis Bank Muamalat.

UNIT PENERBITAN, MEDIA DAN PENYELIDIKAN

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, 06010 UUM SINTOK, KEDAH
Website: www.hep.uum.edu.my | Emel: hep@uum.edu.my | Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>

